

BMF - JAWATANKUASA "R'R'R"

1984

KUALA LUMPUR, 11 JAN (BERNAMA) --KETUA AUDIT NEGARA TAN SRI HAJI AHMAD NOORDIN ZAKARIA TELAH DILANTIK UNTUK MENGETUAI JAWATANKUASA SERAMAI TIGA ORANG BAGI MENYIASAT DAN MELAPURKAN HAL EHWAL DAN OPERASI BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE LIMITED, SEBUAH ANAK SYARLKAT BANK BUMIPUTRA HONG KONG.

DUA ORANG LAGI ANGGOTA JAWATANKUASA ITU IALAH SEORANG AKAUNTAN YANG TERKEMUKA, ENCIK RAMLI IBRAHIM, DAN PEGUAM ENCIK CHOOI MUN SOU, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN KEPADA PARAPEMBERITADI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA KERAJAAN TELAH MENGARAHKAN LEMBAGA BANK BUMIPUTRA SUPAYA MELANTIK JAWATANKUASA TERSEBUT DAN + INI TELAH DILAKSANAKAN OLEH LEMBAGA BERKENAAN+.

BELIAU BERKATA ENCIK RAMLI ADALAH SEORANG RAKAN KANAN SEBUAH FIRMA PERAKAUNAN SWASTA DAN DENGAN PENGALAHANNYA ITU, DIA + ADALAH SEORANG YANG BERWIBAWA+.

KATANYA PEGUAM ENCIK CHOOI TELAH DIPERAKUKAN KEPADA BELIAU DAN TELAH MENERIMA ENCIK CHOOI MENEMUI BELIAU BARU-BARU INI DAN BERTANYA SAMA ADA DIAMAHU MENANGGOTAI JAWATANKUASA ITU.

-- LAGI 1755/II

BMF-JAWATANKUASA 2 KUALA LUMPUR 'R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA HASIL SIASATAN DAN PERAKUAN JAWATANKUASA ITU AKAN DIJADIKAN SASBAGI MENENTUKAN SEBARANG TINDAKAN SIVIL ATAU JENAYAH YANG AKAN DIAMBIL TERHADAP MEREKA YANG TERLIBAT.

+PENYIASATAN SEUMPAMA ITU, PADA PENDAPAT SAYA, AKAN LEBIH EFEKTIF DAN BERFAEDAH, + TAMBAH BELIAU. TERDAHULU BELIAU MENJELASKAN KENAPA SATU SURUHAN JAYA PENYIASAT DIRAJA TIDAK AKAN MEMBERIFAEADAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA JAWATANKUASA ITU MEMPUNYAI LAPAN TUGAS YANG +SUDAH MEMCUKUPI.+ BAGAIMANAPUN JAWATANKUASA ITU BOLEH MEMASUKKAN BIDANG LAIN SEKIRANYA PERLU KERANA +KITA TIDAK MAHU MENYEKAT MEREKA+.

LAPAN TUGAS BAGI MENENTUKAN DAN MENYIASAT HAL EHWAL URUSAN BMF ADALAH SEPERTI BERIKUT:

- . PENGURUSAN DAN KAWALAN PENGENDALIAN.
- . SAMA ADA SERLAKU APA-APAPENYALAHGUNAAN, PENYALAHPAKAIAN ATAU PELESAPAN MANA-MANA DARI WANG TABUNGANNYA.
- . SETAKAT MANA DAN JENIS PINJAMAN ATAU KEMUDAHAN KREDIT YANG DIBERI OLEH BMF KEPADA THE CARRIAN GROUP OF COMPANIES DAN SYARIKAT-SYARLKAT YANG ADA KAITAN DENGAN GEORGE TAN DAN EDA INVESTMENTS LIMITED.

--- LAGI 1827/AZ

